



Sinar  
Harian  
2/7/2020  
m/s 21

# 'Biarlah ada kubur untuk kami ziarah'

Keluarga mangsa harap  
keajaiban walaupun  
peluang tipis

**BACHOK**

**K**eluarga kepada tiga mangsa bot terbalik di perairan Kemasin malam kelmarin masih mengharapkan keajaiban berlaku meskipun peluang untuk kesemua mangsa yang hilang ditemui masih hidup amat tipis.

Namun begitu, naluri seorang abang, Sufri Daud, 60, tetap tidak pernah berubah dan mendoakan agar adiknya, Harun, 57, salah seorang daripada tiga yang masih belum ditemui dapat dijumpai dengan selamat.

Sufri berkata, ahli keluarga termasuk isteri dan anak-anak adiknya menyedari kekangan keluasan kawasan pencarian dan juga kesungguhan pasukan mencari dan menyelamat (SAR) menjalankan operasi sepanjang hari.

"Kita sudah reda dengan kejadian ini apatah lagi apabila dapat tahu



Sufri (tengah) menceritakan keadaan terkini ahli keluarganya yang masih setia menunggu penemuan Harun.

hari ini yang tiada seorang pun ditemui di dalam bot ditarik ke muara.

"Kami tahu mustahil untuk ditemui dia dalam keadaan masih bernyawa, kalau 'sudah tiada' sekali pun biarlah kami boleh tengok tubuh badannya, boleh letak batu nisannya," katanya ketika ditemui di Jeti Pemasaran Ikan Kuala Kemasin di sini semalam.

Sehingga petang semalam, Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Negeri Kelantan, Kepten Muhammad Nur Syam Asmawie Yaacob mengesahkan tiga mangsa yang hilang tidak berada di dalam bot yang ditunda selepas dua kali selaman dijalankan semalam.

Bot ada lesen sah  
Sinar Harian 2/7/2020 m/s 21

**BACHOK** - Jabatan Perikanan Negeri Kelantan mengesahkan bot yang dibadai kepala ribut di Kuala Kemasin malam kelmarin memiliki lesen perikanan sah.

Pengarah Perikanan Kelantan, Nazri Ishak berkata, aktiviti memancing dan mencandat sotong yang dilakukan kumpulan tersebut ketika Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) juga tidak menyalahi peraturan.

"Sebenarnya, Jabatan Perikanan membenarkan bot nelayan melakukan aktiviti memancing, tetapi dari segi kebenaran membawa penumpang selain daripada kru perlu mendapat kelulusan Jabatan Laut.

"Untuk pengesahan sama ada mendapat kelulusan atau tidak perlu dirujuk kepada Jabatan Laut. Dari segi lesen vesel perikanan tidak ada masalah," katanya kepada media ketika ditemui di Jeti Pemasaran Ikan Kuala Kemasin di sini semalam.

Nazri berkata, bermula April sehingga Ogos ialah musim untuk mencandat sotong dan menjalankan aktiviti rekreasi di laut sebelum tengkujuh bermula penghujung tahun.

Sementara itu, Nazri berkata, pihaknya mendapati pemilik bot berkenaan juga telah menyediakan jaket keselamatan mengikut bilangan yang ditetapkan berdasarkan syarat lesen.



**NAZRI**

Tiada petunjuk baharu dikesan

**BACHOK** - Hari ketiga operasi mencari dan menyelamat (SAR) tiga lagi mangsa insiden bot pemancing yang masih hilang selepas bot dinaiki mereka dibadai ribut di perairan Kemasin di sini semalam berakhir tanpa sebarang petunjuk baharu.

Mereka yang masih hilang ialah pemancing dari Pasir Mas, Harun Daud, 57; anak saudara tekong bot, Arman Ismail, 43, dan awak-awak, Che Wadi Bakar, 40-an.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Kelantan, Kepten Muhd Nur Syam Asmawie Yaacob berkata, operasi yang bermula pada jam 6 pagi itu ditamatkan pada jam 6 petang tadi.

Katanya, kawasan pencarian hari ini difokuskan pada 351.6 radius batu nautika persegi dari tempat

kejadian berbanding 162 batu nautika persegi semalam.

"Kaedah yang digunakan dalam operasi SAR ini adalah secara ulang-alik bagi pencarian dalam kawasan yang besar.

"Cuaca pada operasi hari ini adalah baik, namun anggota SAR berdepan cabaran kerana keluasan kawasan selain belum menemui apa-apa petunjuk baharu sama ada barangan seperti baju, seluar atau apa-apa yang boleh dikaitkan dengan tiga mangsa yang masih hilang," katanya pada sidang akhbar di Jeti Pemasaran Ikan Kemasin di sini semalam.

Beliau berkata, walaupun operasi SAR ditamatkan, pihak APMM tetap berada di tengah lautan dan meneruskan pencarian di permukaan dalam kawasan ditetapkan.

## Tiga mangsa hilang mungkin dihanyut arus

**TUMPAT** - Tiga lagi mangsa insiden bot karam di perairan Kemasin yang masih belum ditemui dipercayai kemungkinan sudah dihanyutkan arus.

Mereka adalah pemancing dari Pasir Mas, Harun Daud, 57; anak saudara tekong bot, Arman Ismail, 43, dan awak-awak, Che Wadi Bakar, 40-an.

Ketua Cawangan Pengurusan Operasi dan Balai Bahagian Operasi Kebompaan dan Penyelamat, Penguasa Bomba Mohd Farid Ismail berkata, Pasukan Penyelamat Di Air (PPDA) Jabatan Bomba dan Penyelamat tidak dapat mengesan ketiga-tiga mangsa menerusi dua kali selaman di kawasan sekitar kejadian dan dalam bot yang karam.

"Selaman pertama selama sejam dilakukan PPDA di dalam bot di lokasi insiden itu manakala selaman kedua di muara Kemasin selepas bot berkenaan ditunda oleh nelayan lain ke kawasan itu semalam.

"Setakat ini, hanya mayat mangsa kelima, Ahmad Syafiq Che Alim, 30, yang dijumpai terperangkap di dalam bot berkenaan.

"Tiga lagi mangsa tidak ditemui dipercayai berkemungkinan sudah dihanyutkan arus," katanya.

Beliau berkata, operasi mencari dan menyelamat (SAR) di perairan Kemasin dilakukan secara menyeluruh semalam termasuk dipertingkatkan di kawasan pesisir pantai bagi mengesan tiga lagi mangsa tersebut.


"Operasi sejauh 324 batu nautika di tengah laut oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) diteruskan.

"Jabatan Bomba dan Penyelamat pula melakukan operasi sejauh tiga batu nautika dari pesisir pantai sepanjang Pantai Irama, Bachok sehingga ke Pantai Cahaya Bulan, Kota Bharu," katanya.

Beliau berkata, pasukan operasi SAR hari ini berdepan dengan keadaan cuaca mendung dan berangin bertiup ke arah barat namun arus di tengah laut dilaporkan tenang.

"Ketika ini 10 bot Jabatan Bomba dan Penyelamat digunakan bersama 10 anggota yang menyertai operasi di kawasan tiga batu nautika dari pesisir pantai.

"Pihak kami bersedia sekiranya pasukan PPDA diperlukan untuk melakukan selaman ketiga di dalam bot jika ada keperluan," katanya.



Operasi SAR yang dilakukan oleh Pasukan Penyelamat Di Air (PPDA) Jabatan Bomba dan Penyelamat semalam.